

## KESAN BANTUAN ZAKAT PENDIDIKAN KEPADA ANAK-ANAK ASNAF DI NEGERI KEDAH

*The Impact of Zakat Education Aid Towards Asnaf Children in Kedah State*

**Azizah Othmani\***

**Syarifah Md Yusof<sup>2</sup>**

**Raziah Md. Tahir<sup>3</sup>**

**Norashidah Hashim<sup>4</sup>**

**Mardzelah Makhsons**

<sup>1,2,3</sup> Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia

<sup>4</sup> Pusat pengajian Perniagaan, Universiti Utara Malaysia

<sup>5</sup> Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia

\*Corresponding author (Email: o.azizah@uum.edu.my)

Diterima: 5 Mac 2020, Diproses: 27 April 2020, Diterbitkan: 30 September 2020

---

**Abstrak:** Pendidikan di dalam Islam adalah sangat penting kerana ayat al-Quran yang pertama diwahyukan kepada Rasulullah SAW ialah surah al-'Alaq ayat satu hingga lima. Proses untuk mencapai tahap pendidikan yang baik memerlukan dana kewangan yang tinggi dan bukan semua pihak yang berkemampuan terutama golongan asnaf. Kemiskinan harta ditambah dengan kemiskinan jiwa amat merbahaya kerana ia boleh mendorong individu berkenaan untuk menggadaikan maruah diri dan akidah demi sesuap nasi. Zakat sebagai instrumen yang sifatnya menjamin keadilan sosial dalam masyarakat boleh memainkan peranan yang aktif dan efisien membantu golongan yang miskin. Tidak wajar kita membiarkan golongan yang miskin terus hidup dalam kemiskinan jiwa dan harta kerana sumbangan zakat boleh memberikan harapan kepada mereka untuk mengubah status kehidupan terutamanya melalui bantuan pendidikan. Kertas kerja ini bertujuan untuk melihat dan menilai sejauhmana peranan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dalam membantu pelajar yang terdiri dari asnaf fakir, miskin dan *fisabilillah*. Metodologi kualitatif dilaksanakan dengan menemubual informan yang berkaitan. LZNK telah memainkan peranan yang agak proaktif dalam membantu asnaf melalui pelbagai bantuan pendidikan. Jumlah agihan yang besar disalurkan kepada pendidikan melalui pelbagai program. Bantuan LZNK untuk pendidikan bermula dari sekolah menengah hingga ketahap pendidikan yang lebih tinggi seperti pengajian doktor falsafah. Kajian mendapati ramai penerima bantuan telah berjaya mengubah status hidup mereka dan kini mereka menjadi penyumbang zakat di LZNK. Kajian mencadangkan agar LZNK mengemaskini profail penerima bantuan pendidikan yang berjaya dan membuat penampaikan dari kaedah pemantauan penerima dan proses penerimaan wang zakat untuk pelajar luar negara serta membuka bantuan kepada anak-anak asnaf dari sekolah rendah.

**Kata Kunci:** Zakat, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), Pembangunan, Pendidikan, Asnaf

**Abstract:** Education in Islam is very important because the first verse of the Qur'an revealed to the Prophet SAW is surah al-'Alaq verses one to five. The process to achieve a good level of

*education requires high financial funds and not all able-bodied parties, especially the asnaf. Poverty of property coupled with poverty of soul is very dangerous because it can encourage the individual concerned to pawn self-esteem and faith for the sake of a bite of rice. Zakat as an instrument whose nature guarantees social justice in society can play an active and efficient role in helping the poor in term of educational assistance. This paper aims to see and evaluate the extent to which the role of the Kedah Zakat Board (LZNK) in helping students consisting of asnaffakir, poor and fi-sabilillah. Qualitative methodology is implemented by interviewing relevant informants. LZNK has played a relatively proactive role in assisting asnaf through various educational assistance. A large amount of distribution is channeled to education through various programs. LZNK assistance for education starts from secondary school to higher levels of education such as doctoral studies. The study found that many aid recipients have successfully changed their living status and now they are zakat contributors in LZNK. The study suggested that LZNK update the profile of successful educational aid recipients and make improvements from the method of monitoring recipients and the process of receiving zakat money for overseas students as well as opening assistance to asnaf children from primary schools.*

**Keywords:** Zakat, Kedah Zakat Board, Development, Education, Asnaf

---

## PENGENALAN

Di Malaysia, pengurusan zakat terletak di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab negeri-negeri. Bagi kebanyakan negeri, pengurusan zakat terletak di bawah Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN) dan sesetengah negeri agak tersendiri daripada MAIN. Segala dasar dan kegiatan Majlis Agama Islam di sesebuah negeri dilaksanakan melalui Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri dan dipertanggungjawabkan kepada MAIN. Ini adalah terletak di bawah Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan/Raja atau Yang Dipertuan Agong yang mana ia bertanggungjawab keatas segala urusan berkaitan dengan kegiatan Islam di negeri berkenaan termasuklah dalam pengendalian urusan zakat (Ahmad Shahir Makhtar & Adibah Abdul Wahab, 2010).

Kebanyakan institusi zakat negeri-negeri dan unit baitulmal di bawah Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia, mempunyai skim dan bentuk bantuan atau sumbangan pendidikan tertentu kepada golongan asnaf khususnya fakir dan miskin seperti bantuan persekolahan, bantuan melanjutkan pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi Tempatan (IPT), biasiswa kecil pelajaran, bantuan kepada sekolah pondok dan juga bantuan pengajian tinggi keluar negara (Dasar Agihan Zakat Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1994; HakAsnaf: Asnaf Fakir dan Miskin, Pusat Urus Zakat Pulau Pinang; Bantuan: Pendidikan, Lembaga Zakat Selangor; Skim Bantuan, Jabatan Zakat Negeri Kedah DarulAman; Buku Panduan Skim Agihan Bantuan Zakat, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu) (Rahman & Anwar, 2014a, 2014b). Impak kepada usaha-usaha seperti ini, ia seharusnya dapat menaikkan lagi martabat, memperbaiki taraf hidup, melahirkan lebih banyak lagi pelajar asnaf yang berjaya di dalam dan luar negara seterusnya menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang kurang masalah dalam keciran pelajaran.

Dana zakat hendaklah diagihkan kepada lapan asnaf sebagaimana yang telah ditetapkan dalam firman Allah SWT dalam Surah At-Taubah ayat 60 yang bermaksud:

*“Sesungguhnya zakat itu hanya untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus zakat (amil), mualaf yang dipujuk hati mereka, untuk memerdekakan hamba, orang-orang yang berhutang, orang-orang yang berjuang di jalan Allah SWT, orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai ketetapan yang diwajibkan Allah SWT dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.”*

(Al- Quran, 9:60)

Dari Anas bin Malik r.a., katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda:

*“Menuntut ilmu adalah satu fardu yang wajib atas tiap-tiap seorang Islam.”*

(Ibnu Majah no. 224)

Berdasarkan pandangan Imam Malik, Imam Shafie dan Imam Ahmad ibn Hanbal, fakir ialah orang yang tidak memiliki harta dan sumber pekerjaan yang halal untuk menampung keperluan asas diri dan tanggungannya seperti makan, minum, tempat penginapan dan persalinan (Tarimin 2005). Sehubungan dengan itu, pelajar sepenuh masa layak dikategorikan sebagai golongan asnaf fakir miskin yang bertaraf penganggur sementara (Qardhawi 2009; Tarimin 2005). Hal ini merujuk kepada golongan penuntut di institusi pengajian tinggi yang menumpukan sepenuh masa pengajian sehingga tidak mempunyai peluang untuk bekerja atau mereka perlu akur kepada peraturan yang tidak membenarkan bekerja. Pelajar-pelajar ini layak menerima agihan zakat sekiranya terbukti memenuhi syarat iaitu pelajar sepenuh masa, telah mencapai umur baligh, tidak berkemampuan menyara diri dan bidang pengajian yang diambil bermanfaat kepada umat (Tarimin 2005,Saruchi, Abdul Rahman, & Wahid, 2015).

Meniti arus kemodenan ini, kecekapan urus tadbir zakat bukan sahaja diukur dari nilai pungutan zakat malah perlu diukur dalam memaksimumkan manfaat dana zakat kepada asnaf. Bantuan pendidikan merupakan salah satu bentuk bantuan terpenting kepada golongan asnaf fakir dan miskin kerana pendidikan merupakan salah satu kaedah utama yang dapat mengubah kehidupan dan mengeluarkan golongan ini daripada kepompong kemiskinan. Justeru kepentingan pendidikan ini kepada golongan asnaf fakir dan miskin, maka institusi zakat giat memainkan peranan dalam menyalurkan dana zakat dalam bentuk bantuan pendidikan kepada golongan asnaf di Malaysia serta memastikan golongan asnaf fakir miskin ini mendapat peluang pendidikan dan berjaya seperti orang lain (Rahman & Anwar, 2014a).

Sokongan diberikan oleh pengkaji Muda (2014) menyatakan walaupun bilangan asnaf fakir miskin semakin berkurang hasil daripada bantuan dana zakat, tetapi peningkatan minima bagi pendapatan bulanan mereka hanyalah melepas Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang memungkinkan mereka mudah terjerumus kembali kekancang kemiskinan jika berlaku perubahan keadaan ekonomi khususnya bagi mereka yang berada di pinggiran. Pengkaji telah mencadangkan agar program pendidikan dapat dipertingkatkan kepada para asnaf.

## **SOROTAN KARYA**

Pendidikan adalah satu aspek penting dalam kehidupan individu mahupun masyarakat.Tahap pendidikan mampu mempengaruhi status ekonomi seseorang. Contohnya petani yang memiliki latarbelakang pendidikan yang baik mampu memberi hasil pertanian yang lebih baik. Realiti pendidikan kini memerlukan peruntukan kewangan yang besar.

Dua keperluan utama pelajar meliputi keperluan sara hidup dan keperluan akademik. Keperluan sara hidup meliputi perbelanjaan makan minum, penginapan, pakaian, perubatan, pengangkutan, peralatan urus diri, komunikasi, air dan elektrik yang diperlukan dalam kehidupan seorang pelajar. Keperluan akademik pula meliputi pembayaran pengajian, buku rujukan, kos percetakan, peralatan kursus, kerja-kerja kursus dan lain-lain ( Baharudin, Hanafi & Lutfi Fauzi, 2017).

Pembangunan pendidikan di institusi zakat perlu sentiasa ditingkatkan. Bantuan pendidikan juga perlu dilakukan berterusan dan mantap bertujuan membentuk kaedah bantuan sehingga asnaf berjaya serta dapat mengubah kehidupan mereka dan seterusnya meningkatkan ekonomi negara (Azman & Siti Martiah, 2013). Kebanyakan pengkaji-pengkaji lalu menitikberatkan tentang bantuan dan cara agihan zakat pendidikan. Penulis terpanggil untuk merungkaikan peranan institusi zakat kepada pendidikan dalam kalangan asnaf. Beberapa artikel telah membincangkan tentang pendidikan dalam kalangan asnaf (Azhar & Kedah, 2017; Hisyam et al., 2018; Karim, 2018; Muda, 2014; Nor Aini, Azizi, & Mohammad Taqiuddin, 2015; Rahman & Anwar, 2014a, 2014b; Rizal, Jalil, & Ahmad, 2017; Wahid & Noor, 2018).

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif yang menekankan pembinaan makna, pemahaman konsep atau simbol dan istilah atau penerangan terperinci tentang sesuatu kejadian, objek atau proses (Tuckman, 1999). Menurut Strauss & Corbin (1998), kajian kualitatif ialah sebarang kajian yang menghasilkan keputusan bukan dengan cara prosedur statistik atau cara kuantitatif yang lain. Ia boleh merujuk kepada kajian berkenaan dengan kehidupan seseorang, cerita, tingkahlaku dan juga tentang fungsi organisasi atau perhubungan interaksi. Sesuai dengan metod yang digunakan, kajian ini mengaplikasikan dua teknik pengumpulan data iaitu metod perpustakaan dan juga penyelidikan lapangan yang berdasarkan metod temubual. Kaedah perpustakaan digunakan oleh penyelidik untuk mengumpul sebanyak mungkin data dan maklumat dalam bentuk tesis, buku, artikel, jurnal, majalah dan kajian ilmiah yang lain berkaitan dengan bidang kajian. Metod temubual digunakan oleh penyelidik untuk menemubual pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan zakat pendidikan dan pakar-pakar kewangan Islam.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

### **LZNK dan Pendidikan di Kedah**

LZNK telah memainkan peranan yang agak proaktif dalam membantu asnaf melalui pelbagai bantuan pendidikan. Jumlah agihan yang besar disalurkan kepada pendidikan melalui pelbagai program. Berikut akan diterangkan bentuk-bentuk bantuan pendidikan yang disediakan oleh LZNK.

### **Bantuan Pendidikan oleh LZNK**

Bantuan LZNK untuk pendidikan bermula dari sekolah menengah hingga ke tahap pendidikan yang lebih tinggi seperti pengajian doktor falsafah. Jadual 4.1 menunjukkan jenis bantuan dan jumlah yang diperuntukkan dari tahun 2016 sehingga 2019. Berdasarkan jadual, jumlah agihan pada 2016 merupakan yang paling tinggi iaitu sebanyak RM56,308,996.06 manakala jumlah yang paling rendah ialah pada tahun 2018 iaitu sebanyak RM38,432,049.00. Jumlah agihan

keseluruhan untuk pendidikan ini dan juga jumlah agihan setiap program bantuan adalah berdasarkan kutipan zakat dan juga kajian terhadap program yang dilakukan dari masa ke semasa.

### **Asnaf yang terlibat dalam bantuan pendidikan LZNK**

Tiga golongan asnaf yang terlibat ialah fakir, miskin dan *fi-sabilillah*. Tafsiran asnaf tersebut adalah berdasarkan Enakmen Agama Islam Negeri Kedah seperti berikut:

#### **Asnaf Fakir**

Adalah orang tiada harta pendapatan yang mencukupi untuknya dan keperluannya. Tidak mempunyai keluarga untuk mencukupkan nafkahnya seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal. Contohnya ia memerlukan RM10 sehari tetapi hanya mampun RM3 sahaja.

#### **Asnaf Miskin**

Mempunyai kemampuan usaha untuk mendapatkan keperluan hidupnya tetapi tidak mencukupi sepenuhnya. Sebagai contoh seseorang miskin memerlukan RM10 tetapi hanya memperolehi RM8.

#### **Asnaf Fi-Sabilillah**

*Fi-sabilillah* ialah perjuangan, usaha dan aktiviti yang bertujuan untuk menegakkan dan mempertahankan agama Allah.

Jadual 1 menunjukkan bantuan Pendidikan oleh LZNK secara terperinci. Terdapat 29 jenis bentuk bantuan yang disalurkan dalam bentuk Pendidikan kepada pelajar yang melanjutkan pelajaran di peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat tinggi di Universiti Awam dalam negeri dan juga di universiti-universiti di luar negara. Tujuan bantuan ini disalurkan adalah bagi membantu pelajar-pelajar mengurangkan bebanan yuran pengajian yang perlu dibayar oleh mereka dalam meneruskan pengajian.

Pada tahun 2016 dicatatkan sebanyak RM 56.3 juta, manakala tahun 2017 mencatatkan RM44.1 juta. Manakala tahun 2018 mencatatkan jumlah RM 38.4 juta dan seterusnya pada tahun 2019 mencatatkan jumlah RM 47.6 juta.

Bagi keempat-empat tahun ini, LZNK telah memperkenalkan serta menambahbaik pelbagai bentuk saluran bantuan kepada pelajar. Hal ini bertujuan agar setiap bantuan dapat memenuhi keperluan mereka sepanjang pengajian dilalui. Berikut merupakan Jadual 1 yang memaparkan jenis-jenis bantuan daripada LZNK dari tahun 2016 sehingga 2019.

### Jadual 1. Bantuan Pendidikan oleh LZNK

No.	Jenis Bantuan	2016	2017	2018	2019*
1	Sekolah Agama Nizomi	605,220	548,100	-	2,500,000
2	Yuran peperiksaan Sekolah Agama Nizomi	100,000	49,875	-	-
3	Yuran makanan asrama Sekolah Agama Nizomi	1,200,000	25,000	-	-
4	Bantuan pengajian maahad tahfiz	49,625	155,200	-	-
5	Bantuan penuntut maahad tahfiz	227,400	173,600	-	-
6	Bantuan yuran makanan maahad tahfiz	265,400	184,400	-	-
7	Bantuan awal persekolahan	10,049,800	8,225,700	-	-
8	Maahad Addini	-	-	4,000,843	4,300,000
9	Binaan masjid, surau & sekolah agama	4,548,249	5,914,783	3,000,000	3,000,000
10	Dermasiswa (IPT tempatan)	26,604,200	20,150,300	18,961,200	17,700,000
11	Dermasiswa awal (IPT luar negara)	307,900	356,800	459,000	420,000
12	Dermasiswa (KUIN)	1,200,000	1,200,000	-	-
13	Dermasiswa (Mesir)	2,662,000	3,360,000	2,925,000	3,040,000
14	Dermasiswa (Jordan)	861,000	329,000	188,000	950,000
15	Dermasiswa (Syria)	5,000	-	-	-
16	Dermasiswa (Yaman)	15,000	-	-	50,000
17	Dermasiswa (Indonesia)	410,000	615,000	591,000	560,000
18	Dermasiswa (Maghribi)	-	-	24,000	70,000
19	Dermasiswa (Pelajar Cemerlang)	17,700	-	-	-
20	Biasiswa pelajar (IPTA)	1,789,800	1,994,950	2,051,760	2,392,500
21	Biasiswa pelajar perubatan (Mesir)	4,021,833	345,141	3,054,345	2,745,000
22	Biasiswa pelajar (UNISHAM)	-	-	1,200,000	2,400,000
23	Biasiswa pelajar cemerlang bulanan	-	-	396,900	972,000
24	Biasiswa mursyid	-	-	100,000	100,000
25	Program pembangunan pendidikan	1,168,867	341,034.00	-	700,000
26	Bantuan tambang penuntut yang lulus & tamat pengajian	200,000	180,000	180,000	180,000
27	Pondok moden zakat	-	-	1,300,000	2,200,000
28	Bantuan institusi pondok	-	-	-	1,843,000
29	Penajaan ruwaq jawi	-	-	-	300,000
	Jumlah keseluruhan	56,308,996	44,148,884	38,432,049	47,602,500

\*Jumlah tahun 2019 merupakan bajet yang akan diagihkan.

### Maklum balas penerima bantuan zakat pendidikan

Berasaskan kepada maklum balas responden yang merupakan penerima biasiswa zakat yang ditemubual mereka berpuashati dengan pengurusan LZNK kerana pegawai LZNK melayan setiap masalah mereka dengan baik. Ada yang mengatakan pengurusan LZNK sangat cemerlang.

### Informan 1

“Saya graduated from UITM Jasin dalam *Bachelor Degree Plantation Management*. Okay sekarang saya telah bekerja di Kuantan Pahang dengan company Padi Beras Nasional sebagai executive.”

#### Penilaian terhadap perkhidmatan LZNK

*“Penilaian saya dari segi kebajikannya memang cemerlang la sebab dia bantu pelajar yang..dia nak kata kategori student yang excellent tak la sangat. Cuma dia fokus kepada kebajikan. Maksudnya dia kalau student tu nampak ada potensi untuk sambung belajar tapi mungkin pendapatan keluarga ka yang kurang baik. Ha dia lebih fokus kepada itu mesti akan dapat.”*

#### Informan 2

“Saya study dekat UTM, tahun 2013 hingga 2017. Saya ambil jurusan Pengurusan Teknologi and then saya punya pengajian pun sebenarnya ditaja oleh Lembaga Zakat Kedah.”

#### Penilaian terhadap perkhidmatan LZNK

*“Person in charge sangat membantu. Waktu tu memang En. R tu memang betul-betul follow up kitorang. Tapi yelah kita kena email apa semua kan. Bagi saya macam..tak tau la macam mana pulak record untuk Lembaga Zakat kan. Tapi untuk kitorang macam tu la. Memang manual.”*

Selain bantuan dalam bidang akademik LZNk juga membantu anak-anak asnaf mendalami bidang kemahiran. Sebagai contoh seorang penerima bantuan yang belajar kemahiran di Akademi Binaan Malaysia telah berjaya dalam kerjaya beliau.

*“Anak asnaf ada yang datang temuduga bantuan zakat dengan motor buruk tetapi kini datang ke LZNK naik kereta Honda untuk membayar zakat. Bila ditanya gaji mereka sebulan RM5000 ja gaji basic.”*

(Temubual Pegawai Zakat, 2019)

#### Isu-Isu yang Berkaitan Dengan Bantuan Zakat

##### Kelewatan Bantuan

Responden menyatakan masalah akan timbul apabila kelewatan wang bantuan masuk kerana mereka perlu membayar yuran untuk pendaftaran semester baru.

*“Okay, sebelum-sebelum ni memandangkan duit tu masuk lambat jadi timing tu dia akan jadi lebih la. Yelah duit masuk lambat kan, dekat hujung-hujung baru masuk kan. Jadi kita kena buat planning awal la. Maksudnya dia dah masuk dekat hujung, bukan hujung la pertengahan la.”*

##### Tiada Kursus Motivasi

Pihak LZNK juga perlu mengadakan program motivasi kepada penerima bantuan pendidikan kerana mereka memerlukan suntikan semangat untuk mencapai keputusan yang cemerlang.

*“Tak pernah la. Setahu saya tak pernah. Mungkin batch sekarang ada. Tapi batch saya takda. Sebab saya batch kedua tak silap saya.”*

### **Bayaran Melalui Waris**

Ada responden yang tidak berpuashati kerana bayaran dibuat oleh LZNK kepada waris di Malaysia bukan secara lansung kepada pelajar. Ini menyebabkan ada kes-kes yang waris tidak memberi keseluruhan wang tersebut kepada anak mereka.

*“Kedah ni dia akan bagi by apa ikut waris tu, waris tu kena pi tuntut cek. Lepas tu ikut la waris tu nak bagi berapa. Kadang-kadang pelajar kita kat sana biasanya waris tak bagi penuh, bagi ikut keperluan je lah.”*

### **Pemantuan Alumni**

LZNK juga perlu memantau semua penerima bantuan yang telah tamat belajar dengan menubuhkan persatuan kerana banyak faedah yang boleh diambil bila adanya kumpulan alumni kerana mereka telah bekerja dan dapat menyumbang balik kepada masyarakat.

*“Betul, tapi sebenarnya kita takda apa-apa aktiviti ke apa announcement ke takde. Takda la yang kita dapat balik through email. Sebab kita memang selalu contact melalui email kan. Jadi kot la dia ada jelaskan apa yang next, incoming ke alumni ke tapi takda apa-apa.”*

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhan, LZNK telah memainkan peranan yang besar dalam membantu golongan pelajar yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan pendidikan yang terbaik. Ini dapat dilihat pada jumlah yang telah diperuntukkan kepada pelajar beserta dengan aktiviti-aktiviti yang telah ditaja memberi impak yang besar kepada pembangunan pendidikan asnaf.

Zakat pendidikan sangat penting kerana keperluan hidup seseorang pelajar itu merupakan perkara utama dalam proses pembelajaran seperti keperluan asas dan akademik. Jika keperluan ini tidak dipenuhi ia akan mempengaruhi emosi dan motivasi pelajar serta menjelaskan keputusan peperiksaan mereka. Oleh itu, institusi zakat perlu lebih proaktif dalam memastikan bantuan zakat pendidikan ini lebih efisien dan dapat sampai kepada asnaf yang benar-benar memerlukan seterusnya melahirkan cendekiawan-cendekiawan Islam yang dapat menyumbang semula kepada ummah.

Pengkaji mencadangkan agar LZNK mengemaskini profail penerima bantuan pendidikan yang berjaya dan membuat penamaian dari kaedah pemantauan penerima dan proses penerimaan wang zakat untuk pelajar luarnegara dan turut membuka bantuan kepada anak-anak asnaf dari sekolah rendah.

## **PENGHARGAAN**

Penulis merakamkan penghargaan kepada Universiti Utara Malaysia dan Lembaga Zakat Negeri Kedah kerana membiayai penyelidikan ini menerusi Geran IPIZ. Kertas Kerja ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan bertajuk ‘Keberkesanan Agihan zakat Dalam Pembangunan Pendidikan Dalam Kalangan Asnaf di Kedah’ di bawah Dana Geran IPIZ, Universiti Utara Malaysia, Kod S/O 14121.

## **RUJUKAN**

- Abdullah, M. (2016). *Prinsip-prinsip agihan zakat dan pelaksanaannya di negeri Selangor*. Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Shahir Makhtar & Adibah Abdul Wahab. (2010). Pengurusan Zakat Di Negeri Selangor : Isu Dan Cabaran. *Prosiding Konvensyen Perancangan & Pengurusan Harta Dalam Islam*, 33. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Ahmaf Fahme Mohd Ali, Mohd Faifol Ibrahim, Muhammad Ridhwan Ab Aziz, F. J. (2014). Konsep Dan Isu Had Kifayah, Kemiskinan Bandar Dan Jantina Dalam Pengagihan Zakat. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society*, 8, 14–26.
- Amuda, Y. J., & Embi, N. A. C. (2016). Creation of Company through Zakat Funds for Sustainability of Malaysian Asnaf With Reference to Shari ’ah Justification Department of Islamic Finance , Kulliyah of Economics and Management Sciences , 16(5), 1008–1017. <https://doi.org/10.5829/idosi.aejaes.2016.16.5.12957>
- Azhar, A., & Kedah, L. Z. (2017). Kerangka Perundungan Pentadbiran Zakat Di Negeri Kedah : Satu Analisis Perbandingan, 3(6), 1–9.
- Azman, & Siti Martiah. (2013). Peranan Institusi Zakat Dalam Pembangunan Pendidikan Asnaf Fakir Dan Miskin Di Malaysia. *Aper Proceeding of the 5th Islamic Economics System Conference (IECONS 2013)*, (September), 4–5.
- Baharudin Sayin, Hanafi Hamdani, Lutfi Fauzi Sabari (2017), *Isu-Isu Kontemporari Dalam Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam*, ACIS UiTM
- Hassan, R., & Nur, I. (2016). Prioritization of Zakat Distribution in Selangor and the Federal Territory of Malaysia : Are They Following the Right Distribution Principles According to Shariah ?, 4878, 435–457.
- Hisyam, N., Muhamad, N., Fami, M., Sahid, M., Khairy, M., Karim, K. A., & Karim, K. A. (2018). Zakat Distribution to Fi Sabilillah Asnaf in Higher Education Institutions : Universiti Teknologi Malaysia Experience, 8(9), 138–149. <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v8-i9/4580>
- Ismail, S. H. S. (2005). Kajian Dikementerian Hal Ehwal Ugama. *Jurnal Usuluddin*, 21, 85–116.
- Karim, K. A. (2018). Zakat Distribution to Fi Sabilillah Asnaf in Higher Education Institutions : Universiti Teknologi Malaysia Experience, (January). <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v8-i9/4580>
- Muda, N. S. (2014). Keberkesanan Agihan Zakat Kepada Asnaf Fakir Dan Miskin : Kajian Kes Bantuan Jayadiri , Jabatan Zakat.
- Nor Aini, A., Azizi, C. S., & Mohammad Taqiuddin, M. (2015). Penentuan Hadul KIfayah Pelajar Institusi Pengajian Tinggi : Kajian Pelajar Siswazah di. In *Isu kontemporari agihan zakat*.
- Rahman, A. A., & Anwar, S. M. (2014a). Dana Zakat dalam Pendidikan Asnaf dan Sumbangannya Terhadap Ekonomi Malaysia. *Prosiding PERKEM VIII, Jilid 1*, 9, 208–215.
- Rahman, A. A., & Anwar, S. M. (2014b). Zakat Pendidikan Kepada Golongan Asnaf di Malaysia : Peranan dan Cabarannya Pada Masa Kini, (December), 23–32.
- Rizal, M., Jalil, B., & Ahmad, S. (2017). Lokalisasi Unit Zakat Institusi Pengajian Tinggi Sebagai Model One Stop Center Agihan Zakat Pendidikan, 10(1), 51–72.

- Saruchi, S. A., Abdul Rahman, A., & Wahid, H. (2015). Pola Perbelanjaan dan Haddul Kifayah Zakat bagi Pelajar Sarjana Muda di UKM. *Jurnal Personalia Pelajar*, 18(18), 44–61.
- Wahid, H. (2018). Jangkaan Kepatuhan Membayar Zakat Perniagaan Di Kalangan Usahawan Di Selangor : Cadangan Menggunakan Peranti Bizzakat, (September).
- Wahid, H., & Noor, M. A. M. (2018). *Pengurusan Zakat di Malaysia: Isu dan Cabaran Kontemporari*.
- Yaacob, A. C., Mohamed, S., Daut, A., Ismail, N., Ali, M., & Don, M. (n.d.). Zakat Disbursement via Capital Assistance : A Case Study of Majlis Agama Islam Johor.
- Yusoff, M. N. H. Bin, Al Mamun, A., Ibrahim, M. D., & Hassan, H. (2018). Measuring and Comparing Functional Business Skills and Knowledge among Asnaf Community in Malaysia. *Economics & Sociology*, 11(2), 229–247. <https://doi.org/10.14254/2071-789x.2018/11-2/16>
- Temubual bersama Mohd Norhaizzat Naim Mohd Mazlan, Ketua Bahagian Pendidikan, Lembaga Zakat Negeri Kedah. 9 Januari 2019 pada jam 10.00 pagi.